

TERHAD

02/1

- 2 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. SP 5.6.1

ARAS 5 Tema 11

- (i) Bantuan yang kerajaan berikan kepada para petani dapat menyuntik semangat golongan tersebut mengusahakan bidang pertanian.

- (ii) Nian indah kawasan pergunungan itu apatah lagi pada waktu pagi dan petang.

[2 markah]

- 3 Susun semula perkataan di bawah supaya menjadi ayat susunan biasa yang gramatis. Ayat yang dibina hendaklah menepati pola ayat dasar yang telah ditetapkan. Anda hendaklah menggunakan semua perkataan yang diberikan dan tidak boleh menambahkan perkataan lain. SP 5.5.1 ARAS 5 Tema 6 Tema 11

- (i) pada Amirul tahun belajar di akan hadapan tadika

Pola: Frasa Nama + Frasa Kerja

- (ii) dan buah sedap rambutan itu manis

Pola: Frasa Nama + Frasa Adjektif

- (ii) adalah ini adik untuk hadiah saya

Pola: Frasa Nama + Frasa Sendi

[3 markah]

- 4 Lihat gambar di bawah dengan teliti. Berdasarkan gambar tersebut, tulis dua peribahasa yang sesuai. SP 4.2.1

ARAS 5 Tema 6



- (i) _____
(ii) _____

[2 markah]

[Lihat halaman sebelah
TERHAD